

<b>Headline</b>	<b>Usaha bantu usahawan PKS guna automasi robotik</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian Ahad</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Date</b>	<b>14 Jul 2019</b>	<b>Readership</b>	<b>168,081</b>
<b>Circulation</b>	<b>56,027</b>	<b>Page No</b>	<b>3</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>218 cm<sup>2</sup></b>		
<b>PR Value</b>	<b>RM 11,068</b>		



## Usaha bantu usahawan PKS guna automasi robotik

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan menjalankan usaha menyeluruh untuk membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) beralih kepada penggunaan teknologi automasi robotik.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kerangka cadangan itu kini sedang diteliti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Kita perlu melihat secara holistik sekiranya mahu PKS beralih kepada automasi robotik. Ini pelaburan besar dan mungkin mereka tidak mampu, kecuali kerajaan melihat insentif tertentu untuk membantu."

"Jadi, MITI sedang merangka pendekatan baharu bagi membantu PKS melakukan peralihan untuk memenuhi keperluan semasa," katanya kepada pemberita selepas

merasmikan Pameran Kerjaya Graduan Aspira di sini, semalam.

Beliau mengulas saranan Ahli Jawatankuasa Persatuan Jaringan Bisnes Muslim Malaysia (MUBIN), Datuk Ahmad Radzi Yahaya seperti dilaporkan *BH* baru-baru ini, supaya kerajaan merombak agihan bantuan kepada usahawan Bumiputera.

Ahmad Radzi yang mengemukakan cadangan itu ketika di temui bual dalam program *Bicara BH* bertajuk 'Antara Tempang dan Tongkat', berkata usahawan Bumiputera memerlukan 'tongkat' lebih komprehensif bagi memacu perniagaan menjadi lebih berdaya saing.

Katanya lagi, keperluan kewangan semata-mata yang selama ini dikaitkan dengan konotasi 'tongkat', tidak mampu memajukan usahawan, sebaliknya ban-

tuan kepada akses pasaran dan peluang melaksanakan perniagaan lebih luas, seharusnya menjadi keutamaan.

Pada sidang media kemudian, Mohamed Azmin berkata, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan memberi penjelasan lanjut susulan penjualan 40 peratus pegangannya dalam Malaysian Shoiba Consortium Sdn Bhd (MSCSB) kepada Malakoff Corp Bhd (Malakoff).

Beliau berkata, penjelasan itu perlu supaya umum memahami keperluan Khazanah untuk melihat pelaburan dalam sektor teras penubuhan syarikat pelaburan kerajaan itu.

"Sebahagian daripada pelaburan yang dibuat sebelum ini sudah pun berjaya mendapatkan keuntungan besar dan kita perlu memberi tumpuan kepada pela-

buran domestik yang perlu diberikan perhatian.

"Saya kira Khazanah mempunyai peranan untuk meningkatkan pelaburan domestiknya bagi membantu pertumbuhan ekonomi dalam negara," katanya yang salah seorang Ahli Lembaga Penygarah Khazanah.

Pada 11 Julai lalu, media melaporkan Malakoff, menerusi Malakoff Gulf Ltd, mengambil alih syarikat milik Khazanah, Desaru Investments (Cayman Isl) Ltd yang menguasai 40 peratus kepentingan dalam MSCSB dengan nilai AS\$70 juta (RM289 juta).

Berikut itu, Malakoff akan menguasai 80 peratus ekuiti MSCSB, manakala Tenaga Nasional Bhd (TNB) memegang baki 20 peratus.

MSCSB terbabit dalam projek air dan tenaga di Arab Saudi,

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Cenviro Sdn Bhd (Cenviro Industry News)	1	0	0
Dato Seri Mohamed Azmin bin Ali (Dato Seri Mohamed Azmin	1	0	0
Khazanah Nasional Berhad (Khazanah Nasional Berhad)	1	0	0
Malakoff Corporation Berhad (Malakoff Corporation Berhad)	11	0	0
Malaysia Projects (Malaysia Projects)	1	0	0
Ministry of Economic Affairs (Ministry of Economic Affairs)	2	0	0
Ministry of International Trade and Industry (Ministry of	3	0	0
MyCC-business (MyCC-business)	2	0	0
Race and Religion (Race and Religion)	2	0	0
Small Medium Entrepreneurs (SMEs) (Small Medium	2	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	2	0	0